

BAB SATU

KAJIAN TERHADAP PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN BAHASA DI KALANGAN KANAK-KANAK

1.0 Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Komunikasi di kalangan kanak-kanak merupakan satu bahagian yang penting kerana apabila mereka cuba untuk belajar memahami dan menguasai sistem kehidupan mengenai realiti diri mereka atau kehidupan yang mereka lalui, perkara pertama yang paling penting yang mesti mereka pelajari terlebih dahulu ialah tentang komunikasi kerana ia merupakan mekanisme yang menjadi alat perhubungan bagi manusia serta alat yang dapat mengembangkan semua lambang pemikiran secara bersama (Drs.Oweng Uchana Effendy, 1979). Oleh itu komunikasi menjadi faktor penting bagi seseorang kanak-kanak itu untuk berfungsi secara efektif di dalam lingkungan keluarga mereka, kumpulan sosial dan budaya mereka (Wood, 1976).

1.2 Penyataan Masalah

Walaupun kajian terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak ini meliputi aspek yang luas, namun sebenarnya kajian ini mempunyai masalahnya sendiri kerana ia merupakan sesuatu yang misteri dan rumit untuk dibuat kesimpulan yang jitu. Ini adalah kerana, ia merupakan satu

proses kognitif yang berlaku di dalam minda seseorang yang agak sukar untuk dibuat ukuran secara tepat. Sinclair (1969) telah membuat kajian tentang pemerolehan bahasa dan mendapati bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku dalam persekitarannya berasaskan perkembangan kognitifnya. Kanak-kanak menguasai makna, objek serta peristiwa-peristiwa dalam persekitaran mereka dan makna tersebut kemudiannya akan distrukturkan dan dihayati oleh kanak-kanak dalam struktur kognitif (Sinclair, 1969). Oleh itu penyelidikan yang dijalankan adalah tertumpu kepada aspek-aspek ‘kemasukan’ dan ‘pengeluaran’. Kemasukan ini adalah berbentuk pendengaran dan pemerhatian kerana seseorang bayi itu perlu mendengar terlebih dahulu bunyi-bunyi bahasa sebelum ia dapat mengeluarkannya. Pemerhatian pula mengaitkan benda dengan bunyi yang didengari. Dalam erti kata lain, pemerhatian membawakan makna kepada seseorang bayi. Setelah dapat menguasai konsep ini dan diikuti pula akhirnya dengan keupayaan mengeluarkan kata-kata, maka seseorang bayi itu akan menggunakan perkataan-perkataan ini untuk merujuk kepada benda-benda berkenaan sehingga meninggalkan bahasa bayinya dan menguasai bahasa ibundanya. Untuk menentukan tahap-tahap perubahan dalam perkembangan bahasa adalah sukar kerana tiada pembahagian yang jitu antara peringkat penguasaan bahasa bayi dengan peringkat penguasaan bahasa kanak-kanak (Abdul Aziz Sharif, 1991). Walau bagaimanapun kanak-kanak mulai bercakap antara usia $1\frac{1}{2}$ tahun hingga dua tahun (Asmah Haji Omar, 1992).

Pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak kadangkala berbeza-beza walaupun dalam tahap umur yang sama. Mengapa situasi ini berlaku adalah sukar ditentukan sebab-sebabnya, tetapi ada yang mengaitkannya dengan faktor persekitaran sosial dan budaya keluarga serta masyarakat setempat di mana kanak-kanak itu memperolehi bahasanya. Misalnya Brunner (Brunner, 1975) dan Bates (Bates, 1978) menegaskan bahawa fonem-fonem vokal dan konsonan yang dikuasai oleh kanak-kanak adalah hasil daripada pemerhatian dan peniruan mereka terhadap persekitarannya iaitu mereka memerhati dan meniru orang dewasa lain yang berada di sekeliling mereka. Namun sejauh manakah peranan persekitaran dalam menentukan kebolehan berbahasa seseorang kanak-kanak akan diteliti oleh pengkaji dalam tugasannya walaupun ianya adalah sukar ditentukan memandangkan ia merupakan proses mental yang sukar diamati dengan konkret. Ada kalanya dua orang kanak-kanak atau adik beradik yang dibesarkan dalam persekitaran yang sama mempunyai kecekapan berbahasa yang berbeza dalam proses perkembangan bahasa pada tahap-tahap umur yang sama. Misalnya si abang pada masa umurnya tiga tahun sudah petah bercakap, sedangkan si adik pada tahap usia yang sama dengan abangnya iaitu berumur tiga tahun tidak secekap atau sepetah abangnya dahulu. Selain itu andaian yang menganggap bahawa kanak-kanak perempuan lebih cepat dapat bertutur dengan baik berbanding kanak-kanak lelaki juga hanya tinggal menjadi persoalan yang sukar diberikan jawapan yang tepat.

Memandangkan kajian terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak merupakan satu bidang yang masih baru, jadi kajian terhadapnya juga masih berkurangan. Ini menyebabkan kajian-kajian harus dilakukan bagi mendapatkan jawapan bagi permasalahan-permasalahan tertentu yang sukar untuk dihuraikan dengan satu teori sahaja. Misalnya, masalah yang wujud dari dahulu hingga sekarang dalam bidang ini ialah sehingga kini kita masih lagi mengalami kesukaran dalam menentukan bagaimanakah caranya manusia memperolehi dan menguasai bahasa. Isu ini sebenarnya telah dianggap sebagai satu isu yang ajaib dan sukar untuk dibuktikan memandangkan masa dan tahap pemerolehan bahasa itu sendiri sememangnya merupakan sesuatu yang berlaku di luar penglihatan kita kerana ia sebenarnya berlaku di dalam minda seseorang dan bergantung kepada keupayaan seseorang itu dalam menguasai bahasa yang biasanya dibezakan oleh faktor baka dan persekitarannya (Sprintal, 1974). Masalah ini tidak boleh diatasi sehinggalah sekarang walaupun terdapat banyak teori yang telah dihasilkan khusus bagi membincangkan tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak.

Selain itu didapati bahawa terdapat pelbagai-bagai teori yang khusus membincangkan tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak, seperti Teori Behaviourisme, Teori Kognitif, Teori Semula Jadi dan lain-lain. Masing-masing cuba mempertahankan kebenaran teori-teori yang dikemukakan. Misalnya pelopor Teori Behaviourisme telah beranggapan

bahawa pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh alam sekitar. Walau bagaimanapun pendapat ini telah ditolak oleh pelopor-pelopor Teori Biologis atau Semula Jadi yang beranggapan bahawa bahasa adalah sebagai pengetahuan yang dihasilkan oleh proses mental sebagai satu aktiviti semulajadi setiap manusia. Ini adalah kerana manusia sejak lahir lagi telah dibekalkan dengan kebolehan semula jadi untuk memperolehi bahasa iaitu alat penguasaan bahasa yang dikenali sebagai "*Language Acquisition Devices*" (*LAD*).

D. Mc Neill (1966a dan 1966b) penyokong kuat Teori Transformasi Generatif telah menjalankan kajian terhadap pemerolehan bahasa kanak-kanak berlandaskan teori Transformasi Generatif. Berdasarkan kajianya beliau berpendapat bahawa kanak-kanak telah dilahirkan bersama-sama dengan suatu alat pemerolehan bahasa atau sistem pemerolehan bahasa yang mengandungi ciri-ciri linguistik sangat. Unsur sangat ini wujud sebagai struktur sejadi dan ini membolehkan kanak-kanak menguasai tatabahasa ibundanya dengan mudah. Manakala ahli Teori Kognitif pula telah mengutarakan pendapatnya yang tersendiri tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak ini (perbincangan di para 1.6) yang masing-masing mempunyai alasan dan buktinya yang berbeza. Keadaan ini kadangkala mendatangkan kekeliruan kepada pembaca untuk menentukan apakah faktor sebenar yang memainkan peranan penting dalam membantu mempercepatkan proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak. Percanggahan pendapat yang

telah dikemukakan oleh pelopor-pelopor teori Barat ini telah menyebabkan pengkaji merasa tertarik untuk melakukan kajian terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak tempatan bagi melihat apakah faktor sebenar yang telah mempengaruhi dan membantu tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka, iaitu sama ada dipengaruhi oleh persekitaran, keupayaan semula jadi yang sedia wujud dalam diri seseorang kanak-kanak itu atau disebabkan oleh kedua-dua faktor ini sekaligus. Pengkaji akan cuba melihat situasi ini semasa menjalankan analisis tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak yang diukur berdasarkan analisis am, analisis sintaksis dan semantik bahasa Melayu, walaupun kemungkinan keputusan yang diperolehi tidak sekukuh teori-teori yang dikemukakan itu.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji juga telah menghadapi pelbagai masalah dari aspek fizikal seperti kesukaran dalam membuat rakaman kerana kanak-kanak yang dipilih sebagai sampel biasanya tidak mahu membuat ujaran setelah sedar diri mereka diperhatikan dan percakapan mereka dirakamkan. Selain itu pengkaji juga menghadapi masalah dalam mendapatkan ujaran yang sesuai untuk kajian di samping terpaksa mengambil masa yang begitu lama untuk mendapatkan ujaran yang baik, kerana ada ketikanya kanak-kanak membuat ujaran yang tidak sesuai digunakan di dalam kajian. Ini menyebabkan pengkaji terpaksa membuat rakaman yang lain. Suasana persekitaran yang bising dengan barang-barang permainan kanak-kanak semasa proses rakaman

telah menenggelamkan suara mereka dan keadaan ini menyebabkan kerja-kerja penulisan data terganggu kerana pengkaji sukar memahami ujaran yang dibuat.

Sebenarnya masa yang terhad juga mendatangkan masalah kepada pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian yang sebenar dan menyeluruh mengenai pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak. Ini adalah kerana masa yang ditetapkan bagi pengkaji untuk menyiapkan sesuatu hasil kajian hanyalah selama tiga tahun sahaja sedangkan untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak, pemerhatian dan penyelidikan terhadapnya perlulah dilakukan dari semasa kanak-kanak tersebut masih bayi lagi (baru lahir) sehingga galah beliau benar-benar dapat menggunakan dan menghasilkan bahasa dengan sempurna sebagaimana orang dewasa. Ini selari dengan pendapat Carolyn yang mengatakan bahawa seorang kanak-kanak akan belajar bercakap bermula daripada peringkat yang paling rendah seperti dalam bentuk tangisan, bebelan, satu suku kata, dan akhirnya akan membina satu perkataan yang bermakna yang kemudiannya menjadi lebih kompleks (Carolyn, 1976).

Sebenarnya adalah agak sukar dilakukan pengumpulan data dengan menggunakan pita rakaman berbanding dengan data yang dibuat berdasarkan pemerhatian dan direkodkan secara bertulis terhadap semua ujaran yang didengari mengikut kesesuaian tanpa perlu dirakamkan terlebih dahulu. Ini adalah kerana tidak semestinya apa yang sempat dirakamkan itu menunjukkan keupayaan sebenar secara maksimum bagi seseorang sampel itu. Antara

keburukan lain yang dialami dalam menggunakan kaedah rakaman ialah tempoh rakaman yang panjang, ini adalah kerana pengkaji terpaksa menunggu masa yang sesuai untuk membuat rakaman dan kadangkala sewaktu kanak-kanak membuat ujaran yang elok, pengkaji pula tidak sempat merakamkannya kerana pita rakaman tidak ada pada pengkaji pada masa itu, tetapi semasa pengkaji telah bersedia pula didapati bahawa kanak-kanak sampel tidak membuat ujaran dengan baik. Oleh itu pengkaji yakin sekiranya kajian hanyalah dilakukan terhadap rekod bertulis sahaja berdasarkan pemerhatian dan pendengaran tanpa perlu dirakamkan terlebih dahulu, hasil kajian adalah lebih baik kerana data yang diperolehi adalah pelbagai.

1.3 Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini adalah merupakan satu kajian kes yang dilakukan dengan tujuan untuk meneliti tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak sampel pada tahap usia yang dipilih berdasarkan skala-skala yang terdapat di dalam aspek-aspek analisis yang digunakan seperti analisis am, analisis paras sintaksis dan semantik bahasa Melayu. Penganalisaan data akan dilakukan dengan cara membandingkan ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak dengan aspek-aspek yang terkandung dalam sintaksis dan semantik bahasa Melayu dan juga berdasarkan analisis am bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka iaitu dengan melihat apakah ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak sampel ini sama atau tidak

dengan aspek-aspek yang terdapat di dalam paras sintaksis dan semantik bahasa Melayu. Manakala analisis am pula dilakukan bagi melihat sejauh manakah tahap pemerolehan dan kecekapan berbahasa kanak-kanak iaitu sebagai contohnya, sekiranya kanak-kanak lebih banyak membuat ujaran disebabkan beliau disoal terlebih dahulu oleh orang lain atau kerana beliau banyak membuat peniruan terhadap ujaran yang telah dibuat oleh orang lain sebelumnya, maka ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa beliau adalah masih kurang memuaskan dan begitulah sebaliknya. Begitu juga dengan aspek-aspek lain yang terdapat di dalam analisis am, didapati bahawa ia sesuai digunakan untuk mengukur sejauh manakah tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak. Oleh kerana itulah pengkaji telah memilih analisis am sebagai salah satu cara untuk menganalisis dan meneliti tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak yang dijadikan sampel ini.

Secara lebih sempurna kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak yang diukur berdasarkan skala-skala tertentu yang terdapat dalam analisis am, analisis sintaksis dan analisis paras semantik terhadap ujaran-ujaran yang telah dibuat oleh kanak-kanak sampel yang berusia dalam lingkungan 3.7 tahun dan 2.6 tahun. Kanak-kanak yang berusia 3.7 tahun ini dipilih sebagai sampel kajian kerana pada tahap usia sebegini kanak-kanak dikatakan sedang mengalami perkembangan yang pesat dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa ibunda

mereka. Kenyataan ini dibuat berdasarkan pandangan Piaget yang mengatakan bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak sebenarnya berlaku dengan pesat dalam lingkungan umur satu setengah hingga tiga tahun (Piaget, 1952).

Pengkaji juga akan cuba meneliti apakah sebenarnya faktor yang mempengaruhi dan membantu mempercepatkan proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak khususnya yang dialami oleh kanak-kanak sampel yang digunakan dalam kajian ini iaitu melihat sama ada pemerolehan bahasa kanak-kanak banyak dibantu oleh faktor persekitaran seperti keluarga, ibu bapa, adik beradik dan sebagainya. Pengkaji juga akan cuba meneliti apakah strategi-strategi yang digunakan oleh kanak-kanak dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa beliau iaitu apakah kanak-kanak sering melakukan peniruan terhadap percakapan orang lain, membuat pengulangan dan sebagainya.

Pengkaji akan melakukan analisis secara perbandingan iaitu membandingkan 50 ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak sampel dengan aspek-aspek yang terdapat dalam analisis am, sintaksis dan semantik bahasa Melayu bagi melihat tahap pemerolehan dan penggunaan bahasa kanak-kanak.

Walau bagaimanapun kajian akan dimulakan dengan meneliti aspek-aspek berikut;

1. Melihat jumlah perkataan yang dihasilkan daripada lima puluh ujaran pertuturan bahasa yang telah dibuat oleh sampel.

2. Melakukan analisis am dengan melihat pada pelbagai aspek seperti purata panjang ujaran dalam kata, purata panjang ujaran dalam morfem bagi setiap sampel, kekerapan meniru penutur sebelumnya, kekerapan membuat pengulangan terhadap kata-kata sendiri, melihat pada tinggi rendahnya kadar soalan dan jawapan dan lain-lain lagi.
3. Meneliti komponen sintaksis iaitu jenis-jenis ayat dan pola-pola ayat yang telah dikuasai dengan cara membandingkan ujaran kanak-kanak sampel dengan pola-pola dan jenis-jenis ayat bahasa Melayu.
4. Membuat analisis paras semantik dengan meneliti jenis-jenis kata yang telah dikuasainya bagi melihat pemerolehan makna perkataan dan juga makna imbuhan di kalangan kanak-kanak.

1.4 Bidang dan Batasan Kajian

Kajian terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak sebenarnya meliputi aspek yang luas seperti pemerolehan dari aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Biasanya ia dikaji berdasarkan tiga sudut komponen utama iaitu fonologi, sintaksis dan semantik (Jamali Ismail, 1980). Walaupun pembahagian ini dibuat tetapi ia tidaklah bermakna bahawa ketiga-tiga komponen tatabahasa ini diperolehi oleh kanak-kanak secara berasingan. Terdapat kemungkinan ketiga-tiga komponen ini diperolehi secara serentak dan pembahagian hanyalah untuk memudahkan perbincangan sahaja (Simanjuntak, 1987). Walau bagaimanapun kajian ini

hanyalah tertumpu kepada aspek sintaksis dan semantik sahaja kerana kajian fonologi sudah tidak sesuai dilakukan terhadap kanak-kanak yang berusia 3.7 tahun disebabkan kajian fonologi hanyalah melibatkan pengeluaran bunyi-bunyi bahasa pada peringkat awal pemerolehan bahasa kanak-kanak. Manakala bagi sampel yang berusia 2.6 tahun pula, walaupun agak sesuai dilakukan kajian fonologi terhadapnya tetapi oleh kerana sampel ini akan dibuat perbandingan dengan sampel yang berusia 3.7 tahun bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa pada peringkat awal kanak-kanak yang akan diukur berdasarkan analisis am, sintaksis dan semantik bahasa Melayu, maka kajian fonologi tidak dilakukan terhadapnya. Manakala pemilihan terhadap aspek sintaksis dan semantik pula adalah kerana kedua-dua aspek ini amat berkait rapat dan tidak wajarlah kalau hanya dibincangkan salah satu sahaja. Walaupun aspek morfologi juga sesuai dilakukan tetapi memandangkan kajian ini adalah terhad dari aspek masa, topik, jumlah perkataan dan sebagainya maka kedua-dua aspek ini terpaksa ditinggalkan oleh penulis. Oleh itu penulis hanyalah melakukan analisis dengan menggunakan analisis am, analisis paras sintaksis dan analisis paras semantik dengan merujuk kepada sintaksis dan semantik bahasa Melayu. Pada tahap analisis am pengkaji akan membuat perbincangan yang mencakupi Purata Panjang Ujaran dalam Kata (MLR), Purata Panjang Ujaran dalam Morfem (MLU), jumlah ujaran bagi setiap giliran peserta (sampel), kekerapan meniru bagi setiap peserta, melihat pada kadar

menjawab soalan, kekerapan membuat pengulangan kata-kata sendiri bagi setiap peserta dan sebagainya yang akan dibincangkan di dalam Bab Tiga nanti.

Pada paras sintaksis pula, penulis akan membuat analisis terhadap ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak sampel bagi melihat tahap penguasaan sintaksis mereka dengan cara membandingkannya dengan aspek-aspek yang terkandung dalam sintaksis bahasa Melayu seperti melihat pada jenis-jenis ayat yang dapat dihasilkan oleh setiap sampel seperti ayat majmuk, ayat tunggal, ayat berlapis dan ayat selapis, melihat pada pola-pola ayat yang mampu dikuasai oleh kanak-kanak, jenis-jenis ayat yang telah dikuasai dan sebagainya. Semua aspek ini akan diteliti terhadap ujaran yang dibuat oleh kedua-dua sampel bagi melihat tahap penguasaan bahasa masing-masing dalam aspek sintaksis. Tujuannya adalah untuk melihat apakah kanak-kanak sampel telah dapat menguasai semua aspek yang terkandung di dalam sintaksis bahasa Melayu ini atau apakah mereka hanya menguasai sebahagian daripadanya. Ini penting untuk menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka.

Manakala pada tahap semantik pula, skop kajian adalah terbatas kepada makna rujukan dan makna relational yang dibuat oleh kanak-kanak berdasarkan penggunaan kata dalam setiap ayat yang telah diujarkan oleh mereka. Kedua-dua makna ini akan dinilai mengikut konteks sebelum, selepas dan semasa sesuatu ujaran itu dituturkan (konteks akan diberikan di dalam lampiran satu). Perbincangan berhubung dengan bidang semantik juga adalah meliputi kepelbagaian leksikal yang dikuasai oleh kanak-kanak serta Nisbah Jenis

Token, melihat pada kepelbagaiannya golongan kata yang dapat dikuasai oleh kanak-kanak seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak adalah penting untuk membantu kita melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak di peringkat awal pemerolehan dan penguasaan bahasa kerana semasa dilahirkan, seseorang bayi itu memulakan kehidupannya tanpa bahasa. Walau bagaimanapun selaras dengan perkembangan usianya, beliau juga akan mengalami proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang berlaku secara teratur sedikit demi sedikit tetapi agak pantas mengikut perkembangan mental dan kecerdasan seseorang kanak-kanak itu dalam mempelajari dan menguasai bahasanya (bahasa ibunda) sebagai hasil daripada perkembangan fizikal kanak-kanak tersebut secara keseluruhannya.

Sebenarnya kajian terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak ini adalah masih terlalu sedikit dilakukan oleh pengkaji-pengkaji di negara kita. Jadi, kita sebenarnya amat kekurangan bahan rujukan tempatan yang berdasarkan pada kajian terhadap kanak-kanak Melayu khususnya yang dilakukan sendiri oleh orang-orang tempatan. Maka dengan adanya kajian ini adalah diharapkan akan dapat menambahkan lagi bahan-bahan rujukan bertulis berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap kanak-kanak tempatan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, selain daripada dapat

menghasilkan data-data primer yang sebenarnya untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam mendapatkan fakta terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak berdasarkan paras-paras tertentu bahasa Melayu khususnya dalam aspek sintaksis dan semantik. Jadi, kajian ini adalah penting untuk menambahkan bahan-bahan penyelidikan bertulis berkaitan dengan bidang pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak untuk dijadikan bahan rujukan kepada pengkaji selanjutnya. Kajian seperti ini juga penting sebagai rujukan kepada guru-guru di peringkat prasekolah kerana melalui kajian seperti ini guru-guru akan dapat mengesan tahap-tahap pemerolehan bahasa yang dapat dikuasai oleh kanak-kanak dan seterusnya membolehkan mereka merancang aktiviti dan strategi yang bersesuaian dengan perkembangan diri kanak-kanak itu sendiri untuk membantu pemerolehan bahasa mereka khasnya dalam aspek sintaksis dan semantik.

Kajian yang dilakukan ini juga adalah diharapkan agar dapat memberikan penjelasan yang jitu terhadap produksi dan inventori bahasa di kalangan kanak-kanak yang berumur 2.6 tahun dan 3.7 tahun. Biasanya kanak-kanak pada usia 3.7 tahun hampir mencapai peringkat kecekapan penuh, kerana kanak-kanak normal biasanya telah mampu menguasai bahasa ibundanya dan memiliki perlakuan (pemahaman dan penerbitan) yang memadai pada usia lima tahun walaupun pertumbuhan katanya masih kurang. Piaget (1952) telah mengatakan bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku dengan pesat dalam lingkungan umur 1½ - 3 tahun (Piaget, 1952).

Selain itu kajian ini juga adalah penting sebagai satu kesinambungan terhadap kajian lalu dalam melihat persamaan terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang seusia dengan kanak-kanak sampel agar dapat dibuat generalisasi berhubung dengan pemerolehan bahasa pada tahap ini. Diharapkan juga agar kajian ini akan dapat menjadi pendorong kepada lebih ramai pengkaji -pengkaji lain untuk membuat kajian terutamanya dalam aspek pemerolehan bahasa kanak-kanak pada tahap awal usia mereka terutamanya dari semenjak kanak-kanak dilahirkan sehingga mereka benar-benar dapat menggunakan dan menghasilkan bahasa dengan sempurna, bagi mendapatkan hasil yang lebih tepat terhadap proses-proses dan tahap-tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang dialami oleh setiap kanak-kanak. Dengan itu akan dapat membantu memperbanyak lagi dapatan kajian untuk dijadikan sebagai sumber perbandingan bagi menentukan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak Melayu sama ada mengalami perkembangan yang normal, tidak normal atau luar biasa. Jelasnya, kajian ini akan dapat menunjukkan kepada kita faktor sebenar berhubung dengan bahasa yang diucapkan dan digunakan oleh kanak-kanak Melayu dalam lingkungan usia yang sebaya dengan sampel pilihan dan bukannya sekadar dibuatkan satu andaian yang melulu tanpa kajian yang empirikal.

1.6 Pendekatan Teori Dan Tinjauan Penyelidikan Berkaitan

1.6.1 Pendekatan Teori

Terdapat beberapa teori utama yang membincangkan tentang pemerolehan dan penggunaan bahasa di kalangan kanak-kanak, diantaranya ialah *Teori Behaviourisme*, *Teori Semula Jadi*, dan *Teori Kognitif* (Simanjuntak, 1983) yang akan dibincangkan secara ringkas dalam kajian ini.

1.6.1.1 Teori Behaviourisme

Salah satu dari bidang ilmu yang banyak mempengaruhi linguistik ialah psikologi. Pengkaji-pengkaji Teori Behaviourisme ini terdiri daripada sarjana psikologi yang beranggapan bahawa pemerolehan sesuatu lakuan terjadi melalui ulangan sesuatu lakuan (Abdullah Hassan, 1987). Menurut Teori Behaviourisme, manusia memperolehi bahasa hasil daripada interaksi kanak-kanak dengan persekitarannya. Penganut aliran Behaviourisme ini berkeyakinan bahawa kanak-kanak menguasai bahasa melalui peniruan perlakuan dan ransangan yang hadir dalam persekitarannya. Walau bagaimanapun Teori Behaviourisme ini tidaklah pula membuat tuntutan yang khusus mengenai bagaimana bahasa telah dikuasai. Mereka hanyalah berpendapat bahawa kemahiran bertutur itu merupakan suatu lakuan manusia sama seperti lakuan-lakuan lain. Jadi bagaimana lakuan itu dipelajari, maka begitulah juga lakuan bahasa itu dipelajari. Teori ini lebih memberi penekanan kepada pengaruh alam sekitar dalam proses pembelajaran bahasa dan bukannya berdasarkan

kebolehan semula jadi yang terdapat dalam diri kanak-kanak. Antara tokoh-tokoh terkenal yang bersangkutan dengan teori ini ialah John B. Watson, Edward L. Thomdike, Pavlov, B. P. Skinner dan E. R. Guthrie. Mereka menegakkan Teori Assosianisme atau Teori Ransangan Gerak Balas. Antaranya ialah dua kategori berikut iaitu *Teori Pelaziman Klassik* dan *Teori Pelaziman Operan* (Alias Jamsuri, 1982). Teori Pelaziman Klasik telah dikemukakan oleh Pavlov pada tahun 1927. Teori ini telah melihat kepada perkaitan di antara tindak balas dengan ransangan yang dilazimkan bagi membentuk kebiasaan atau tabiat. Pavlov menganggap bahawa pembelajaran merupakan rantaian yang panjang daripada tatabahasa-tatabahasa yang dilazimkan.

Bertitik tolak daripada Teori Pelaziman Klasik ini maka pada tahun 1927 lahir pula Teori Pelaziman Operan yang telah dikemukakan oleh Skinner (Skinner, 1966). Dalam Teori Pelaziman Operan ini, Skinner percaya bahawa proses pembelajaran adalah didasarkan kepada prinsip pembelajaran bahasa melalui pengukuhan (Ahmad Foaad Hashim, 1983). Pembelajaran itu berlaku kalau ada ransangan dan tindak balas yang berulangan. Oleh itu dalam proses pembelajaran bahasa, prinsip ini perlu dilakukan secara berulang-ulang bagi tujuan pengukuhan. Menurut beliau lagi, dalam proses pemerolehan bahasa ini, perilaku berbahasa kanak-kanak iaitu proses pemerolehan bahasa ibundanya muncul secara beransur-ansur mengikut peristiwa-peristiwa pengukuhan tertentu. Skinner menolak terdapatnya warisan semula jadi untuk menerangkan

tentang kebolehan manusia dalam menghasilkan ucapan-ucapan yang gramatikal dan logik. Jadi, fitur-fitur sejagat yang menjadi ciri-ciri semua bahasa muncul sebagai akibat daripada ciri-ciri sejagat masyarakat bahasa yang dibangkitkan oleh peranan bahasa dalam penghidupan sehari-hari (Simanjuntak, 1990). Skinner juga berpendapat bahawa bahasa verbal lahir daripada perlakuan yang menghasilkan pola-pola tertentu yang kemudiannya menggerakkan seseorang melakukan sesuatu. Di sini Skinner cuba melihat bahasa verbal sebagai unsur ransangan dan gerak balas (Skinner, 1957). Skinner sebenarnya beranggapan bahawa pemerolehan bahasa adalah sebagai satu lakuan yang terjadi melalui tingkah laku dan menganggap bahawa kemampuan bertutur di kalangan manusia sebagai satu lakuan sama seperti lakuan-lakuan lain (Abdullah Hassan, 1986). Skinner membuat anggapan seperti itu kerana beliau melihat bahasa hanya dikuasai melalui proses pembelajaran secara formal dan tidak formal (Awang Mohd. Amin, 1979).

Pelopor Teori Behaviourisme berpendapat bahawa manusia dan binatang adalah sama dalam proses pembelajaran bahasa dan perkara-perkara lain juga. Pembelajaran dianggap sebagai dikawal oleh keadaan tempat yang menyebabkan pembelajaran itu berlaku. Oleh itu jika individu tertakluk pada keadaan yang sama maka mereka akan belajar dengan cara yang sama. Mereka juga berpendapat bahawa bahasa ialah perangai iaitu kegiatan manusia yang berlaku dalam lingkungan tertentu. Teori Behaviourisme menganggap bahasa

sebagai satu set kebiasaan yang diserapkan ke dalam sistem saraf penutur bahasa ibunda. Secara ringkasnya teori ini dapat dirumuskan seperti berikut;

i) Lakuan bahasa adalah serupa dengan lakuan lain iaitu, sekiranya tingkah laku manusia yang lain berpunca daripada ransangan, maka bahasa juga dapat dilahirkan dengan adanya ransangan tersebut (Bloomfield, 1973), dan ia dikuasai oleh kanak-kanak dengan cara meniru segala lakuan pertuturan ibubapanya melalui hubungan ransangan dan tidak balas (R-G) dan dapat pula diterangkan melalui kekerapan pengukuhan dan peristiwa yang berhubungan. Bloomfield percaya bahawa kebolehan bertutur merupakan hasil daripada proses kebiasaan (*conditioning*) (Kamaruddin Hj. Husin, 1988). Bahasa dianggap sebagai satu sistem bentuk dan bukannya sebagai satu himpunan makna yang menjadi simbul pemikiran (Raminah Haji Sabran, 1985).

ii) Penguasaan bahasa kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh alam sekitar iaitu kanak-kanak belajar berbahasa daripada data bahasa yang didengar dan kemudiannya akan diulang semula beberapa kali sehinggalah beliau mencapai tahap pemerolehan bahasa yang biasa atau normal. Oleh itu penguasaan bahasa adalah sebagai satu kebiasaan yang diperolehi dengan pengulangan yang hendak disampaikan (Kamaruddin, 1986).

Walau bagaimanapun Teori Behaviourisme ini telah mendapat kritikan yang hebat daripada golongan Innatis seperti *Noam Chomsky (1959), Bever, Fodor dan Weskel (1965a dan 1965b)*. Golongan Innatis (ahli Teori

Semula Jadi) ini berpendapat bahawa pembelajaran bahasa sebenarnya adalah ditentukan oleh keupayaan semula jadi bukannya berdasarkan pengalaman semata-mata. Noam Chomsky menganggap bahawa Teori Behaviourisme tidak mampu menghuraikan aspek-aspek kompleks tentang perkembangan bahasa dan struktur bahasa (Juriah Long, 1993).

1.6.1.2 Teori Semula Jadi atau Biologis

Sebenarnya pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli Teori Behaviourisme telah ditolak oleh golongan mentalis yang telah beranggapan bahawa bahasa adalah sebagai pengetahuan yang dihasilkan oleh proses mental sebagai satu aktiviti semula jadi setiap manusia. Oleh itu mereka beranggapan bahawa manusia sejak daripada lahir lagi sudah dibekalkan dengan kebolehan semula jadi untuk memperolehi bahasa. Ini adalah kerana manusia telah dilahirkan dengan alat penguasaan bahasa atau "*Language Acquisition Devices*" (LAD) sejak dilahirkan yang dapat membantu manusia memperolehi dan menguasai bahasanya. Misalnya Chomsky (1957) menyatakan bahawa peranan kognisi yang ada pada otak atau mental manusia menjadikan bahasa yang dihasilkan itu bersifat kreatif dan tidak terbatas. Sekiranya benar bahasa kanak-kanak diperolehi melalui proses peniruan dan hasil interaksi manusia dengan persekitaran sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Skinner, maka unsur-unsur kreativiti dalam bahasa mungkin tidak wujud kerana kreativiti bahasa bukanlah disebabkan oleh manusia tetapi melalui operasi kognitif

(Stinger, 1973). Beliau juga berpendapat bahawa manusia sejak daripada lahir lagi sudah dibekalkan dengan kebolehan semula jadi untuk menguasai bahasa kerana kanak-kanak telah dibekalkan dengan “*innate capacity*” yang berpusat pada LAD (Chomsky, 1957). Hornstein & Light (1981) (Fodor, 1966) juga berpendapat bahawa sistem sintaksis bahasa pertama atau bahasa ibunda di kalangan kanak-kanak memang wujud dalam minda sejak dilahirkan lagi kerana mereka telah dilengkapi oleh nahu sejagat yang terdapat dalam alat pemerolehan bahasa seperti LAD. Menurut Karmiloff Smith pula jika mental tidak terlibat dalam proses pemerolehan bahasa tidak mungkin kanak-kanak akan dapat membina rumus-rumus bahasa pertama mereka semasa mereka mengalami pemerolehan bahasa tersebut (Smith, 1979). Kanak-kanak yang terdedah kepada sesuatu bahasa itu mempunyai keupayaan semula jadi untuk merumuskan dan membentuk hukum nahu bahasa tersebut. Menurut Lenneberg (1964) LAD telah dimiliki oleh kanak-kanak secara semula jadi semenjak dilahirkan lagi dan ini memungkinkan kanak-kanak memperolehi bahasa ibundanya dengan mudah dan cepat (Lennerberg, 1967).

1.6.1.3 Teori Kognitif

Selepas itu Jean Piaget telah membuat penyelidikan tentang tahap-tahap perkembangan kognitif kanak-kanak dengan menggunakan anak-anaknya sendiri (Abdul Aziz, 1995). Beliau telah mengutarakan hipotesis mengenai jagat-jagat kognitif yang telah dipakai sebagai dasar untuk menerangkan

proses-proses pemerolehan bahasa oleh kanak-kanak seperti teori perkembangan mental kanak-kanak berdasarkan empat tahap iaitu tahap deria motor, tahap praoperasi, tahap operasi konkrit dan tahap operasi formal yang akan dialami oleh semua kanak-kanak dan ia cuma dibezakan oleh faktor baka dan persekitaran (Sprinter, 1974). Pandangannya ini telah diperkembangkan oleh ahli-ahli kumpulan Geneva sehingga menghasilkan teori yang merumuskan bahawa bahasa sebenarnya telah diperolehi atau berkembang berdasarkan struktur-struktur kognitif deria motor (sensory motor). Struktur-struktur ini telah diperolehi oleh kanak-kanak melalui aksi dan interaksinya dengan benda-benda dan orang-orang di persekitarannya. Urutan pemerolehan struktur-struktur ini secara kasarnya boleh digariskan seperti berikut;

i) Peringkat Deria Motor (0 - 1 ½ tahun)

Pada masa ini kanak-kanak akan mengimbangkan pola-pola aksi dengan cara beraksi dalam persekitarannya. Pola-pola ini kemudiannya diatur menjadi struktur-struktur akal (mental). Berdasarkan struktur-struktur akal ini, kanak-kanak mulai membangunkan deria benda-benda yang kekal yang disebutkan sebagai kekekalan benda.

ii) Peringkat Representasi Kecerdasan (1 ½- 2 tahun)

1. Peringkat Pertama

Peringkat ini bermula selepas struktur-struktur aksi dinuranikan. Pada peringkat ini biasanya kanak-kanak telah mampu membentuk

representasi simbolik yang merangkumi benda-benda seperti permainan simbolik, peniruan, bayangan mental dan gambar.

2. *Peringkat kedua*

Pada peringkat kedua ini bahasa telah pun diperolehi sebagai lanjutan daripada peringkat representasi kecerdasan itu. Bahasa pada peringkat ini dapat berkembang selepas representasi simbolik pada peringkat kedua mendapat nilai-nilai sosial. Struktur-struktur linguistik mulai dibentuk berdasarkan bentuk-bentuk kognitif umum yang telah dibentuk ketika berumur lebih kurang dua tahun. Menurut Piaget (1952), bahasa kanak-kanak dari usia 2-6 tahun adalah bersifat mudah dan egosentrik (Piaget, 1952).

Berdasarkan pandangan Piaget, pengkaji lain iaitu Sinclair-de Zwan (1970) cuba merumuskan peringkat pemerolehan bahasa kanak-kanak seperti berikut, iaitu pertamanya kanak-kanak mula memilih satu gabungan bunyi-bunyi yang pendek daripada bunyi-bunyi yang didengar untuk menyampaikan satu pola aksi. Daripada kajian penulis terhadap sampel kajian didapati keadaan seperti ini wujud pada ujaran kanak-kanak yang berusia dua tahun. Kedua, mengikut Sinclair-de Zwan, setelah kanak-kanak memahami gabungan bunyi-bunyi pendek maka kanak-kanak akan memakai pula siri bunyi yang sama tetapi dengan bentuk fonetik yang lebih dekat dengan fonetik orang dewasa untuk menyampaikan pola aksi yang sama. Pada peringkat ketiga muncullah fungsi-fungsi tatabahasa yang pertama iaitu pokok-sebutan yang

berdasarkan subjek-predikat, dan objek aksi dan selepas itu kanak-kanak akan menghasilkan pula struktur pokok-kata kerja-objek iaitu yang merangkumi agen + aksi + penderita (Sinclair, 1970). Beliau juga mendapati bahawa pemerolehan bahasa dan makna perkataan kanak-kanak berlaku dalam persekitarannya berasaskan perkembangan kognitifnya iaitu berasaskan tindakbalas kognitifnya (Sinclair, 1975).

Perkembangan terakhir dalam kognitisme berhubung dengan pemerolehan bahasa ialah berdasarkan pandangan yang dihasilkan oleh Pairio dan Begg (1981) yang menyatakan bahawa kecekapan dan perlakuan linguistik pada awal perkembangannya adalah bergantung pada satu lapisan bayangan mental. Melalui pendedahan yang berterusan terhadap benda-benda dan peristiwa-peristiwa yang konkrit kepada kanak-kanak, mereka mungkin akan berjaya mengembangkan minda mereka untuk bayangan mental yang mewakili pengetahuan mengenai dunia. Bahasa di kalangan kanak-kanak akan berkembang seterusnya di atas kerangka ini dan terus terikat kepadanya sehinggalah kanak-kanak telah pandai dan benar-benar menguasai bahasa. Selain itu, sintaksis juga dibentuk atau berkembang berdasarkan kerangka bayangan mental (Simanjuntak, 1987).

Sebenarnya perbincangan terhadap ketiga-tiga teori ini adalah penting untuk membantu kita memahami tentang pemerolehan bahasa dalam diri kanak-kanak. Selain itu ketiga-tiga teori ini juga dapat dijadikan sebagai dasar atau landasan dalam pengkajian tentang perkembangan bahasa kanak-kanak

kerana ketiga-tiga teori ini telah dikemukakan berdasarkan alasan-alasan yang logik untuk menyokong pendapat masing-masing.

1.6.2 Tinjauan Penyelidikan Berkaitan

Secara amnya, kajian-kajian tentang pemerolehan bahasa telah bermula sejak pertengahan dan lewat kurun ke-16. Misalnya pada tahun 1787, Tiedemann telah memulakan kajiannya dan dalam tahun 1877 pula Charles Darwin telah membuat kajian tentang pemerolehan bahasa dan diikuti pula oleh Preyer dan Sully pada tahun 1882 dan 1885 (Lyons, 1968). Dalam abad ke-20, lebih ramai sarjana yang mengkaji tentang pemerolehan bahasa telah muncul antaranya ialah Skinner (Skinner, 1938) telah memperluaskan *Teori Behaviourisme* dan dalam tahun 1938 beliau telah memperkenalkan *Teori Pelaziman Operant* dan Braine (Braine, 1963) pula telah memperkenalkan *Teori Contextual Generalization*. Manakala golongan Mentalis yang muncul ialah Noam Chomsky 1959 (Chomsky, 1959), Bever, Fodor dan Weskel 1965 (Bever, 1965a & 1965b) yang menegaskan bahawa pemerolehan bahasa adalah disebabkan keupayaan semula jadi. Manakala Chomsky di dalam bukunya yang bertajuk “*Syntactic Structures*”(1957) telah menyatakan bahawa kanak-kanak memperolehi bahasa sejak dari peringkat awal bayi lagi iaitu kanak-kanak yang baru lahir akan membuat perhubungan awal dalam persekitaran mereka melalui interaksi bukan verbal (Chomsky, 1957). Selepas itu barulah banyak kajian yang dibuat seperti kajian yang telah dijalankan oleh Brown

(1965), Burling (1970), Slobin (1971), Fisherman (1970) dan Piaget (1926 dan 1952), Sinclair (1969 dan 1965), Wood (1981), Bernstein (1961), Riessman (1962), K. Nelson (1973) dan lain-lain. J.C Fenton (1925) telah membuat kesimpulan bahawa terdapat enam peringkat perkembangan bahasa bagi seseorang individu iaitu peringkat pertama dikenali sebagai *reflex sound* atau bunyi tangisan semasa dilahirkan. Peringkat kedua dikenali sebagai peringkat membebel (kanak-kanak berusia 5-6 bulan) dan akan menghilang apabila kanak-kanak memperolehi bahasa (Clark, 1977). Peringkat ke tiga, kanak-kanak telah mula membentuk ujaran dengan satu perkataan dan sering membuat pengulangan terhadap perkataan-perkataan yang lazim. Menurut M. W Shinn (Shinn, 1990) kanak-kanak pada peringkat ini sudah dapat mengacam, mengetahui dan mengenali lebih kurang 50-80 perkataan yang berbentuk *labelling* atau peringkat menamakan sesuatu yang berada di sekeliling mereka yang berkaitan dengan nama-nama benda seperti makanan, barang permainan dan keluarga mereka. Peringkat keempat, kanak-kanak telah berumur antara 13-18 bulan, mereka telah mengalami perkembangan bahasa yang lebih mantap iaitu mereka boleh menggunakan perkataan berdasarkan konteks yang pelbagai. Peringkat kelima pula kanak-kanak berusia antara 20-35 bulan (2-3 tahun). Pada peringkat ini kanak-kanak telah dapat membuat ujaran dua perkataan yang membawa makna yang lebih jelas walaupun dari segi fonetik atau sebutannya masih kurang baik. Peringkat keenam, kanak-kanak berusia 36 bulan, mereka telah alami tahap pemerolehan bahasa yang mulai

sempurna (Fenton, 1925). Cazden (1972) pula telah mengatakan bahawa manusia telah dapat berkomunikasi sejak bayi lagi dalam bentuk tangisan (Cazden, 1972). Kajian yang telah dibuat oleh Chomsky (1957) telah menunjukkan bahawa kanak-kanak membesar, mendengar daripada ahli keluarga, rakan-rakan dan media sejumlah besar contoh ayat bahasa Inggeris dan akhirnya menemukan tatabahasa secara implisit. Brown dan Frase (1964) telah mengkaji 13 orang kanak-kanak yang berusia dua dan tiga tahun dan mendapati bahawa wujud perbezaan di antara pemerolehan bahasa kanak-kanak dan orang dewasa (Brown, 1964). Kanak-kanak hanya menggunakan pengetahuan atas tatabahasa sesuatu bahasa seperti jenis-jenis ayat dan bentuk-bentuknya.

Perbincangan-perbincangan dan kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana telah melahirkan beberapa aliran linguistik seperti *Teori Behaviourisme*, *Teori Kognitif*, *Teori Semula Jadi* atau *Biologis*, *Teori Interaksionalis* dan sebagainya. Aliran Behaviourisme adalah yang ditimbulkan oleh ahli-ahli empiris dan ahli-ahli rasionalis yang mendokong Teori Mekanis yang mempertahankan bahawa bahasa manusia diperolehi secara dipelajari. Teori yang kedua telah dikemukakan oleh golongan yang mendokong Teori Mentalis, mereka mempertahankan bahawa bahasa manusia diperolehi secara alamiah atau dinurani. Selepas itu lahir pula aliran Prague (1926) (Chaedaralwasilah, 1985) oleh Vilem Matheius yang telah melahirkan prinsip-prinsip yang telah dipersetujui umum (Bolinger, 1968). Pada tahun 1930-

1950an lahir aliran Struktural Amerika yang dipelopori oleh Bloomfield, Franz Boaz dan Edward Sapir. Aliran tatabahasa Taksomi atau struktural lahir sebagai satu gagasan aliran struktural. Antara tokoh-tokohnya ialah Wells, Harris dan Hocket (Allen, 1975). Muncul juga aliran Firthian di London oleh M. A. K. Halliday (Halliday, 1975). Sezaman dengannya muncul aliran Stratifikasi Nahu oleh A. Hill (1969) yang berpendapat bahawa struktur linguistik adalah sesuatu yang menghubungkan makna-makna dengan ujaran-ujaran dan tulisan (Hill, 1969). Aliran Chomsky telah menolak Aliran Neo Firthian kerana ia terlalu membataskan kepada nahu dalam bahasa dari domain empirikal semata-mata (Durcot, Oswald & Tzuent Todorov, 1969). Selepas itu ramai lagi sarjana yang telah meneroka bidang ini dengan serius seperti Mac Neill (1970), Brown (1965) dan Lanker (1968).

Terdapat juga pengkaji tempatan di negara kita yang telah menerokai bidang kajian yang pada umumnya menyentuh tentang sifat-sifat bahasa manusia yang juga mempunyai peranan dalam mempengaruhi kajian tentang bahasa kanak-kanak di Malaysia walaupun dalam jumlah yang sedikit berbanding dengan negara barat. Antara pengkajinya ialah Atan Long (1963) yang telah mengkaji tentang perbendaharaan kata bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah. Hasil kajiannya, beliau mendapati bahawa kata nama lebih banyak dikuasai oleh kanak-kanak berbanding dengan jenis golongan kata yang lain. Pada peringkat awal pemerolehan bahasa, pertuturan kanak-kanak adalah lebih kepada diri sendiri dan bukan untuk tujuan perhubungan dengan masyarakat.

Keadaan ini berlaku secara berterusan sehingga kanak-kanak mencapai usia empat tahun. Beliau juga berpendapat bahawa kanak-kanak perempuan mempunyai kelebihan dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Pengkaji lain ialah Mangantar Simanjuntak (1983), yang telah mengkaji tentang pertumbuhan bahasa kanak-kanak Melayu yang merangkumi pemerolehan fonologi, semantik dan pemerolehan sintaksis. Beliau mendapati bahawa bayi-bayi yang diamatinya tidak pernah melalui peringkat penyempitan erti kata seperti yang dilaporkan di dalam pemerolehan semantik bahasa lain. Pertumbuhan sintaksis pula dikatakan bermula pada waktu kanak-kanak mulai menerbitkan ayat-ayat yang terdiri daripada dua kata atau lebih sekitar umur dua tahun. Pada umur dua tahun anak-anak ini sudah betul-betul meninggalkan peringkat holofrasa iaitu peringkat satu kata yang sering dianggap sebagai peringkat linguistik pertama (Simanjuntak, 1987). Setiap ayat yang dituturkan adalah betul dari segi sintaksis dan betul maknanya dari segi konteks. Mangantar Simanjuntak juga berpendapat bahawa bahasa tumbuh dalam otak kanak-kanak secara semula jadi.

Kajian yang dibuat oleh Abdul Rashid Ali pula terhadap kanak-kanak yang berusia dua tahun setengah, mendapati bahawa pada usia ini kanak-kanak mempunyai MLU 2.22 dan nilai ini dianggap sebagai satu tahap yang normal. Kanak-kanak ini dikatakan membentuk ayat yang berubah-ubah mengikut situasi dan bergantung kepada fungsi yang hendak disampaikan. Ayat-ayat ini pula terdiri daripada ayat satu kata, dua kata dan tiga kata. Ayat satu kata

lebih banyak digunakan oleh kanak-kanak ini. Kajian ini juga turut menampakkan perubahan-perubahan tahap-tahap penggunaan bahasa daripada yang mudah kepada yang lebih susah dari segi penggunaan morfem dan ayat (Abdul Rashid Ali, 1991).

Asmah (1988) telah membuat kajian terhadap pemerolehan bahasa kanak-kanak dan beliau berpendapat bahawa kanak-kanak pada peringkat awal pertuturan akan melahirkan bahasa yang sangat ringkas iaitu yang terdiri daripada kata-kata inti sahaja. Kanak-kanak juga dapat menghayati dengan sendiri berbagai-bagai aspek bahasa, baik dari segi sistem dan strukturnya ataupun dari aspek sosiolinguistik. Semua ini berlaku tanpa latih tubi atau ransangan. Ini jelas menunjukkan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku melalui proses penyerapan dan beliau juga mendapati bahawa peranan ibu bapa atau orang dewasa adalah penting sebagai model dalam persekitaran bahasa kanak-kanak (Asmah, 1986). Kajian Asmah ini memperlihatkan beberapa persamaan dengan beberapa kajian yang telah dijalankan oleh Cross (Cross, 1977), Snow (Snow, 1977), Rutter dan Tucker (1982), French & Woll (1982), Mc Donald & Pien (1982) dan Smolak (1983) (Smolak, 1983). Painter (1988) telah memerhatikan perkembangan bahasa anaknya menggunakan istilah Mathetic bagi bahasa yang merujuk kepada hubungan penyampai dengan penerima. Pada peringkat usia dua puluh bulan, pertuturan umumnya berpusat kepada dirinya sendiri. Apabila berumur dua tahun, kanak-kanak mudah menguasai bahasa pelbagai fungsi orang dewasa. Walau bagaimanapun kanak-

kanak masih banyak menggunakan bahasa untuk dirinya sendiri di samping mampu bersoal jawab.

Juriah Long (1993) telah membuat kajian berkaitan dengan pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak pra- sekolah dan beliau mendapati bahawa proses pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku secara sistematik. Proses pemerolehan bahasa kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh faktor kognitif yang terbentuk melalui proses tindakan kanak-kanak terhadap objek dan peristiwa yang berlaku di sekitarnya. Manakala Abdul Aziz Sharif (1991 & 1994) pula mendapati bahawa pemerolehan bahasa seseorang itu sebenarnya berlaku melalui tiga peringkat iaitu *peringkat penguasaan bahasa bayi*, *peringkat penguasaan bahasa kanak-kanak* dan *peringkat penguasaan bahasa ibunda*. Selain itu beliau berpendapat bahawa faktor keluarga juga memainkan peranan terhadap pemerolehan bahasa kanak-kanak. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa pada peringkat umur 7 minggu hingga 10 bulan, kanak-kanak telah mengeluarkan ujaran 1 perkataan seperti “nggek” yang mempunyai makna yang terbatas kepada ahli keluarga sahaja. Apabila kanak-kanak berumur dua tahun dua bulan, mereka mula mengeluarkan ayat-ayat yang terdiri daripada dua patah perkataan. Walau bagaimanapun kanak-kanak pada peringkat ini belum berupaya menguasai aspek struktur iaitu struktur subjek.

1.7 METODOLOGI

1.7.1 Sampel

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada dua orang kanak-kanak Melayu yang berumur antara 2.6 tahun dan 3.7 tahun. Kedua-duanya merupakan adik beradik yang dibesarkan dalam keluarga yang sama dan mempunyai latar belakang bahasa yang sama serta pengaruh persekitaran yang sama iaitu dibesarkan dalam lingkungan keluarga dan masyarakat Melayu yang menggunakan dialek Kelantan sepenuhnya. Selain itu, pemilihan kedua-dua kanak-kanak ini sebagai sampel dalam analisis pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak adalah disebabkan usia mereka yang sesuai, kerana pada tahap usia sebegini kanak-kanak sebenarnya sedang mengalami tahap perkembangan bahasa yang pesat. Ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Piaget iaitu perkembangan bahasa di kalangan kanak-kanak sebenarnya berlaku dengan pesat dalam lingkungan umur kanak-kanak satu setengah tahun hingga tiga tahun (Piaget, 1952). Sampel yang berusia 3.7 tahun bernama Noor Amin manakala sampel yang berusia 2.6 tahun pula ialah adiknya yang bernama Noor Azam Hakimi.

1.7.1.1 Noor Amin

Noor Amin bin Nordin berusia 3.7 tahun (pada masa ujaran dirakamkan). Lahir pada 2 hb. Nov. 1993. Beliau merupakan anak kepada pengkaji sendiri. Noor Amin atau singkatannya Amin merupakan abang kepada sampel kedua

iaitu Noor Azam Hakimi atau singkatannya Azam. Kedua-dua sampel dilahirkan di Kelantan dan dibesarkan di Kelantan juga. ibu bapanya juga berasal dari Kelantan. Oleh itu, kedua-dua sampel telah hidup dan membesar dalam lingkungan ibu bapa serta orang-orang di persekitaran yang bercakap dalam dialek Kelantan. Jadi, bahasa pertama kedua-dua sampel ini ialah bahasa Melayu dialek Kelantan.

Amin merupakan seorang yang petah bercakap walaupun belum mendapat pendidikan prasekolah. Rakaman terhadap percakapannya telah dibuat semasa sampel bermain dengan rakan-rakannya serta adiknya Azam. Pada peringkat awal ujarannya (rujuk lampiran 1) iaitu pada ujaran nombor 1-10, rakaman dibuat semasa beliau bermain dengan sepupunya iaitu Ajid (1) dan jiran sepupunya itu iaitu Ajid (2). Lokasinya ialah Seremban, Negeri Sembilan. Pengkaji telah membawa sampel ke rumah abang pengkaji di Seremban dan semasa Amin, Ajid (1) dan Ajid (2) sedang bermain di beranda rumah, pengkaji telah merakamkan perbualan mereka. Memandangkan Amin berasal dari Kelantan dan bercakap dalam dialek Kelantan maka pada peringkat awal pergaulannya dengan Ajid (1) dan Ajid (2) beliau didapati banyak mendiamkan diri. Keadaan ini mungkin disebabkan masalah kefahaman iaitu beliau masih kurang faham percakapan Ajid (1) dan Ajid (2) yang bercakap dalam dialek Negeri Sembilan atau kedua-dua mereka tidak memahami percakapan Amin yang bercakap dalam dialek Kelantan menyebabkan komunikasi antara Amin dan kedua-dua mereka adalah lembab. Peringkat kedua, ujaran sampel

dirakamkan semasa sampel sedang bercakap dengan ibunya. Sampel didapati lebih petah bercakap semasa berada dalam lingkungan mereka yang bercakap dalam dialek yang sama dengannya berbanding dengan mereka yang mempunyai dialek yang berbeza. Walau bagaimanapun pada masa-masa biasa iaitu semasa tidak dibuat rakaman, sampel adalah seorang yang agak petah bercakap berbanding dengan semasa rakaman dibuat. Oleh itu, salah satu daripada masalah kajian ini ialah kita tidak dapat menunjukkan keupayaan sebenar sampel berdasarkan pita rakaman kerana kemungkinan pada masa rakaman dibuat sampel kurang bercakap atau pada masa rakaman dibuat ini beliau hanyalah membuat ujaran yang pendek dan tidak pelbagai kerana dipengaruhi oleh situasi semasa.

1.7.1.2 Noor Azam Hakimi bin Nordin

Sampel kedua ialah Noor Azam Hakimi yang merupakan adik kepada Amin. Beliau lahir pada 2 hb. Ogos 1995. Berusia dalam lingkungan dua tahun setengah (semasa ujaran diambil). Tujuan utama penulis mengambil beliau sebagai sampel adalah disebabkan penulis ingin melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak pada usia 2.6 tahun dan juga kanak-kanak pada usia 3.7 tahun kerana pada tahap-tahap usia ini kanak-kanak dikatakan sedang mengalami proses pemerolehan bahasa yang pesat. Selain itu antara tujuan lain mengapa pengkaji memilih beliau sebagai sampel ialah kerana beliau mempunyai latar belakang bahasa yang sama dengan

Amin dan ini akan memudahkan pengkaji untuk melihat persamaan atau perbezaan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua-duanya kerana masing-masing mempunyai pengaruh bahasa yang sama. Pengkaji juga memilih Azam sebagai sampel kerana pengkaji ingin melihat apakah pemerolehan bahasa beliau banyak dipengaruhi oleh abangnya Amin atau disebabkan pengaruh persekitarannya dan sebagainya lagi. Ini adalah penting bagi menentukan kebenaran pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli Teori Behaviourisme bahawa pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh persekitarannya.

1.7.2 Pendekatan dan pengkaedahan

1.7.2.1 Kaedah Pengumpulan Data

Berdasarkan kajian-kajian lepas jelaslah bahawa terdapat dua jenis produser kajian yang boleh digunakan dalam membuat kajian tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak iaitu melalui pemerhatian secara langsung dan spontan terhadap pertuturan kanak-kanak dalam situasi yang sebenar seperti yang telah dibuat oleh Bowermann (Bowermann, 1973), Berko (Berko, 1958) dan Smith (Smith, 1973). Biasanya kajian ini dijalankan secara terperinci terhadap sampel kecil yang terdiri daripada 2-4 orang. Manakala cara yang kedua ialah seperti yang pernah dilakukan oleh Berko (Berko, 1958) dan Slobin (Slobin, 1971) yang telah menggunakan cara eksperimen dengan menggunakan instrumen khas untuk mendorong kanak-

kanak menghasilkan bentuk-bentuk bahasa yang hendak dikaji (Juriah Long, 1993). Walau bagaimanapun cara pertama ini lebih banyak digunakan oleh pengkaji berbanding dengan cara kedua. Misalnya Bloomfield (1970 dan 1973), Brown (Brown, 1973) dan Atan Long (Atan Long, 1970) telah menggunakan cara pertama ini untuk melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak. Oleh itu, pengkaji juga telah memilih cara pertama iaitu membuat rakaman melalui pemerhatian secara langsung dan spontan terhadap ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak sampel dengan menggunakan pita rakaman. Rakaman dibuat secara bersahaja terhadap semua bentuk ujaran yang dilafazkan oleh kanak-kanak. Daripada keseluruhan data perbualan bebas kanak-kanak itu, sebanyak 50 ujaran telah dipilih secara rawak dengan mengabaikan pertuturan yang berulang atau yang boleh dianggap sebagai kurang penting daripada ujaran yang lain. Untuk tujuan analisis pula, pengkaji telah mengajak kanak-kanak berbual-bual sesama sendiri, berbual dengan pengkaji dan kadang-kala pengkaji menggunakan kaedah menyoal supaya sampel tersebut membuat pertuturan bahasa. Cara lain yang telah dilakukan oleh pengkaji ialah dengan memberikan barang permainan kepada kanak-kanak sampel supaya kanak-kanak melahirkan apa saja bentuk ujaran dan setiap ujaran itu akan dirakamkan di samping pengkaji memerhatikan konteksnya iaitu apakah yang sebenarnya berlaku semasa kanak-kanak sampel ini membuat ujarannya. Tujuan pemerhatian konteks terhadap setiap ujaran yang dibuat ialah untuk memudahkan pengkaji membuat analisis dan

kesimpulan terhadap pemerolehan bahasa kanak-kanak iaitu jika apa yang disebutkan oleh kanak-kanak itu sesuai dengan konteks semasa ujaran itu dibuat maka kanak-kanak tersebut dikatakan telah berjaya menguasai bahasa. Manakala dari segi pragmatiknya pula keadaan ini telah menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut telah memahami sesuatu perkataan dan hubungan perkataan tersebut dengan benda atau situasi atau secara ringkasnya kanak-kanak dikatakan telah memahami tentang makna perkataan tersebut dan rujukannya. Sebaliknya jika seseorang kanak-kanak itu mengucapkan sesuatu perkataan yang tidak sesuai dengan situasi dan maksud yang ingin disampaikan (konteks), ini bermakna bahawa kanak-kanak tersebut masih belum dapat menguasai bahasa dengan sepenuhnya.

1.7.2.2 Kaedah Penganalisaan Data

Penganalisaan data dilakukan dengan menukar data mentah yang diperolehi melalui rakaman menjadi hasil yang boleh difahami dan dapat memberikan jawapan yang sewajarnya kepada objektif kajian sebagaimana yang telah diterangkan di atas. Data pertuturan yang dihasilkan oleh sampel ini akan dianalisis menggunakan ukuran-ukuran tertentu mengikut kesesuaian dengan skop kajian iaitu berdasarkan analisis am, sintaksis dan semantik. Secara amnya terdapat 2 unsur penting dalam kajian ini, iaitu kefahaman yang merujuk kepada semantik dan penghasilan yang merujuk kepada pembinaan ayat atau sintaksis iaitu merujuk pada keupayaan sampel mencerap makna dan

mengujarkan ayat atau kata-kata yang bermakna ketika mereka sedang berinteraksi (Clark, 1977). Kajian terhadap aspek sintaksis akan dilakukan dengan membuat analisis ayat berdasarkan pola-pola ayat bahasa Melayu berdasarkan apa yang terdapat dalam buku Tatabahasa Dewan. Bagaimanapun ayat-ayat yang tidak lengkap (elipsi) (Lyons, 1968) tidak akan diabaikan. Pengkaji juga akan melihat sejauh manakah kanak-kanak dapat mencerap makna atau memahami pertuturan orang dewasa dan boleh menyampaikan pula maksud kepada orang dewasa dengan menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dengan makna yang hendak disampaikan. Huraian terhadap analisis am pula akan dibuat berdasarkan ukuran-ukuran tertentu seperti berdasarkan Purata Panjang Ujaran dalam Morfem (MLU)(nota kuliah Linguistik Developmental), Purata Panjang Ujaran dalam Perkataan (MLR), Taburan Kekerapan - Jumlah Panjang Ujaran bagi setiap giliran pertuturan dan nisbah panjang ujaran di antara orang dewasa dan kanak-kanak. Formula yang digunakan untuk membuat pengiraan terhadap panjang morfem dan kata ialah;

$$\text{MLU} = \text{JUMLAH MORFEM} / \text{JUMLAH UJARAN}$$

$$\text{MLR} = \text{JUMLAH KATA} / \text{JUMLAH UJARAN}$$

1.7.2.3 Kaedah Pengiraan MLU (*Mean Length of Utterance in Morpheme*)

Pengiraan Purata Panjang Ujaran dalam Morfem (MLU) dilakukan dengan cara mengira berapakah jumlah morfem yang terdapat daripada keseluruhan 50 ujaran yang diambil daripada setiap sampel. Semua jumlah

yang diperolehi ini kemudiannya akan dibahagikan pula dengan jumlah ujaran yang diambil sebagai kajian untuk mendapatkan jumlah sebenar MLU bagi setiap sampel yang diambil ujarannya itu;

$$\text{MLU} = \frac{\text{Jumlah Morfem}}{\text{Jumlah Ujaran}}$$

Di sini akan diterangkan secara ringkas apakah yang dimaksudkan dengan morfem dan bagaimanakah pula bentuknya. Morfem ialah unit terkecil dalam bahasa yang membawa makna atau tugas nahu (Hocket, 1969). Bentuk bahasa yang bunyi mahupun maknanya tidak sama dengan yang lain, disebutkan sebagai morfem (Bloomfield, 1932). Kadangkala proses penggandaan juga dianggap sebagai sebuah morfem kerana ia juga mempunyai tugas nahu yang tertentu. Seperti “*rama-rama*”, “*anai-anai*” dan “*undang-undang*”. Setiap kata ini telah menerima proses penggandaan dan jika ia wujud tanpa proses penggandaan ternyata ia tidak membawa apa-apa tugas nahu atau tidak mempunyai makna tertentu yang dapat difahami. Jadi dalam hal ini proses penggandaan adalah dianggap sebagai sebuah morfem. Morfem juga merupakan konstituen makna yang lebih kecil (Nik Safiah Karim, 1988).

Morfem terbahagi kepada dua iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas ialah morfem yang mampu wujud secara bersendirian dan mempunyai makna tertentu. Manakala morfem terikat pula ialah morfem yang mestи dipakai bersama-sama sekurang-kurangnya dengan sebuah bentuk morfem yang lain kerana ia tidak dapat berdiri sendiri sebagai sebuah kata yang

bermakna, misalnya dalam bentuk perkataan “*berpeluh*” didapati bahawa [peluh] itu merupakan sebuah morfem bebas kerana ia tidak memerlukan satu bentuk perkataan lain untuk dipakai secara bersama bagi membentuk suatu perkataan yang bermakna. Tetapi morfem {ber-} terpaksa wujud dengan morfem {peluh} sebelum ianya dapat digunakan seperti dalam {berpeluh}. Oleh itu {ber-} dikatakan sebagai sebuah morfem terikat yang tidak mempunyai makna dan tidak dapat berdiri sendiri sebagai sebuah kata. Tetapi bukan semua kata akar (iaitu bentuk yang tinggal setelah imbuhan dibuang) itu adalah merupakan morfem bebas. Contohnya dalam perkataan “*anai-anai*” didapati bahawa {anai} ialah kata akar dan ia masih merupakan morfem terikat, dan untuk membentuk sebuah perkataan yang bermakna atau yang dapat membawakan tugas nahu ia perlulah wujud bersama-sama dengan morfem gandaan yang diberikan lambang {ganda}.

Sebenarnya MLU merupakan sejenis indeks yang boleh digunakan untuk menggambarkan dan menghuraikan peringkat-peringkat perkembangan struktur dari segi gramatis. Brown telah membahagikan peringkat perkembangan struktur ini mengikut satu kontinum atau urutan yang dikenali sebagai *Brown's Linguistik Stages* (BLS). Walau bagaimanapun BLS ini hanya boleh digunakan apabila kanak-kanak mula menggabungkan beberapa perkataan, iaitu apabila MLU mereka adalah 1.00. Setiap peringkat yang terdapat dalam BLS adalah menunjukkan pencapaian perkembangan yang berbeza. Oleh itu kualiti tiap-tiap peringkat adalah tidak sama. Sebenarnya

setiap peringkat yang diberikan kepada seseorang kanak-kanak itu di dalam BLS adalah berdasarkan MLU mereka. Jadi MLU seseorang kanak-kanak itu adalah penting kerana ia akan menentukan peringkat mana yang sesuai untuk beliau berdasarkan jumlah MLU yang diperolehinya. Misalnya (rujuk lampiran 3) jika seseorang kanak-kanak itu mempunyai MLU sebanyak 1.01-1.49 beliau akan diletakkan di dalam “Early Stages 1” di dalam *Brown’s Stages*(Peringkat Brown) dan usia kanak-kanak pada peringkat ini ialah di antara 10.1 bulan hingga 23. 0 bulan. Manakala jika MLU kanak-kanak itu bernilai 1.50- 1.90 pula akan diletakkan di dalam “Late Stages 1” dan usia kanak-kanak pada peringkat ini ialah di antara 23.8 - 26.9 bulan. Bagi kanak-kanak yang mempunyai MLU sebanyak 2.00- 2.49 pula akan dimasukkan kedalam “Brown’s Stages 11” dan usia yang sesuai dengan kanak-kanak peringkat ini ialah antara 27.7 bulan hingga 30.8 bulan. Manakala bagi kanak-kanak yang mempunyai MLU di antara 2.50 - 2.99 pula akan dimasukkan ke dalam “Stage 111” dan usia yang sesuai pula ialah di antara 31.6-34.8 bulan. Kanak-kanak yang mempunyai MLU sebanyak 3.00-3.49 pula akan dimasukkan ke dalam “Early Stages 1V” dan usia yang sesuai dengan beliau pula ialah di antara 35.6 - 38.7 bulan. Bagi kanak-kanak yang mempunyai MLU sebanyak 3.50-3. 99 pula akan dimasukkan ke dalam peringkat “Late Stages 1V-Early Stages V” dalam BLS dan usia yang sesuai dengan kanak-kanak yang berada dalam peringkat ini berdasarkan MLU ialah di antara 39.5 - 42.6 bulan. Bagi mereka yang mempunyai jumlah MLU sebanyak 4.00-4.9 pula biasanya akan

dimasukkan ke dalam peringkat “Late Stages V” dalam BLS dan biasanya usia kanak-kanak pada peringkat ini ialah di antara 43.4 - 46.6 bulan. Manakala peringkat yang terakhir sekali yang terdapat di dalam BLS ialah peringkat “Post Stage V” iaitu bagi kanak-kanak yang mempunyai MLU sebanyak 4.50 dan ke atas. Usia yang sesuai bagi kanak-kanak yang mempunyai MLU 4.50 dan ke atas ini ialah di antara 47.3 - 58.3 bulan. Perhubungan antara MLU dan umur ini juga bukan saja dikemukakan oleh Brown, malah Miller & Chopman juga ada membuat kajian yang sama dalam tahun 1979 dan hasil daripada kajian mereka telah menunjukkan korelasi yang tinggi dan mendapati bahawa sisihan piawai akan bertambah dengan bertambahnya umur seseorang kanak-kanak itu. Misalnya bagi seseorang kanak-kanak yang mempunyai MLU 2.60 maka kita boleh meramalkan bahawa umur bagi kanak-kanak ini ialah lebih kurang 31.6 bulan atau pun di antara 24.7- 38.5 bulan dengan satu sisihan piawai. Jadi MLU seseorang kanak-kanak itu adalah penting di ketahui bagi menilai tentang tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak kerana berdasarkan MLU mereka, kita akan dapat menilaikan kedudukannya dalam urutan pemerolehan struktur.

Setelah mengetahui MLU bagi seseorang kanak-kanak sampel maka bolehlah diramalkan usia beliau berdasarkan MLU-nya itu seperti yang dicadangkan oleh Brown di dalam BLS. Seterusnya, MLU dan usia sebenar yang diperolehi daripada kanak-kanak sampel akan dibandingkan dengan MLU dan usia yang dicadangkan oleh Brown. Misalnya jika diperolehi MLU kanak-

kanak sampel ialah 2.5, maka akan dibandingkan pula apakah tahap usia sebenar kanak-kanak itu berdasarkan MLU ini dengan usia yang dicadangkan oleh Brown berdasarkan MLU (2.5) di dalam BLS. Jika usia sebenar kanak-kanak pada MLU 2.5 itu sama dengan usia yang dicadangkan oleh Brown di dalam BLS iaitu bagi kanak-kanak yang mempunyai MLU 2.5 ini Brown telah menetapkan bahawa usia yang sesuai dengannya ialah 30.8 bulan, maka ini menunjukkan bahawa memang wujud persamaan di antara apa yang dicadang oleh Brown dan usia sebenar kanak-kanak ini, jadi bolehlah disimpulkan bahawa kanak-kanak sebenarnya telah mengalami perkembangan bahasa yang normal. Tetapi sebaliknya jika usia kanak-kanak pada MLU mereka 2.5 itu adalah lebih awal daripada usia yang dicadangkan oleh Brown di dalam BLS, misalnya pada MLU 2.5 usia sebenar kanak-kanak itu ialah 27 bulan, maka ini menunjukkan bahawa kanak-kanak mengalami keadaan pemerolehan bahasa yang lebih cepat daripada apa yang telah dicadangkan oleh Brown. Begitulah sebaliknya jika kanak-kanak yang berusia 35 bulan hanya mempunyai nilai MLU sebanyak 2.5, maka ini menunjukkan bahawa kanak-kanak ini telah mengalami proses pemerolehan bahasa yang lebih lambat daripada apa yang telah dicadangkan oleh Brown di dalam BLS.

Setelah membandingkan usia kanak-kanak dengan usia sebenar berdasarkan MLU, maka pengkaji akan melihat pula perlakuan-perlakuan bahasa yang diharapkan ada pada seseorang kanak-kanak pada peringkat usia tertentu dengan cara membandingkan perlakuan-perlakuan bahasa yang

sebenar seseorang sampel itu dengan perlakuan-perlakuan bahasa yang dicadangkan oleh Piaget di dalam *Piaget's Stages* berdasarkan tahap umur tertentu. Piaget telah membahagikan beberapa peringkat perkembangan bahasa berdasarkan usia kanak-kanak dan perlakuan-perlakuan bahasa yang sesuai dengan usia seseorang kanak-kanak itu. (rujuk bab 2 di bawah tajuk peringkat-peringkat pemerolehan bahasa (2. 3. 1))

1.7.2.4 *Kaedah Pengiraan Morfem*

Dalam pengiraan morfem bagi sampel yang bercakap dalam dialek Kelantan, pengkaji akan merujuk intonasi yang tinggi pada perkataan pertama berdasarkan pengetahuan pengkaji terhadap fonologi dialek Melayu Kelantan. Dalam dialek Melayu Kelantan, lazimnya semua perkataan adalah disebutkan tanpa menggunakan imbuhan kerana penuturnya hanyalah membuat penyebutan terhadap kata dasar sahaja. Contohnya bagi perkataan “*berkelah*” hanyalah disebutkan perkataan “*kelah*” sahaja. Ini adalah kerana imbuhan-imbuhan biasanya dibunyikan secara tidak jelas atau dibiarkan wujud secara langsung, tetapi kehadirannya boleh dikesan melalui intonasi suara. Begitu juga dengan kata sendi seperti “di” dan “ke” adalah amat jarang dibunyikan dalam percakapan sehari-hari. Misalnya apabila sampel menyebut perkataan “*kelah*”, sebutan terhadap /kelah/ ini telah diucapkan dengan cara menekankan {ke} untuk menunjukkan tentang kehadiran morfem terikat iaitu “*ber + kelah*”. Contoh lain ialah perkataan “*celah*”, didapati bahawa penyebutan terhadap perkataan ini telah dilakukan dengan membuat penekanan terhadap

bunyi {ce} untuk menunjukkan tentang kewujudan kata sendi “di”. Satu lagi aspek yang perlu dijelaskan ialah dalam dialek Kelantan biasanya banyak perkataan-perkataannya disebutkan secara meringkaskan sebutannya seperti pada perkataan “pergi” hanyalah disebutkan sebagai “gi” sahaja . Manakala bagi perkataan “duduk” pula hanyalah disebutkan sebagai “duk” sahaja.

1.7.2.5 *Kaedah Transkripsi*

Manakala dalam membuat transkripsi terhadap data percakapan kanak-kanak yang diperolehi (50 ujaran yang diambil) pula pengkaji menggunakan kaedah transkripsi secara ortografi atau ejaan dan bukannya menggunakan kaedah transkripsi secara fonetik. Penulis tidak membuat analisis berdasarkan aspek fonetik atau fonologi kerana penulis merasakan adalah lebih mudah membuat transkripsi secara ortografi (ejaan) berbanding dengan membuat transkripsi secara fonetik walaupun untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih baik penulis sepatutnya menggunakan kaedah transkripsi fonetik. Penulis juga telah menggunakan teknik penganalisaan selepas pengumpulan data dibuat supaya lebih mudah melakukan analisis.

Tumpuan analisis data berkenaan dengan pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak adalah mengarah kepada komponen-komponen sintaksis, semantik bahasa Melayu dan analisis am. Perbincangan tentang data akan dibuat satu persatu, bermula daripada analisis am, analisis paras sintaksis dan analisis paras semantik bahasa Melayu. Kajian ini

menggunakan seramai dua orang sampel sebagaimana yang telah digunakan oleh Well (1981) yang telah menggunakan seramai 2-4 orang sampel sahaja.

1.8 Kesimpulan

Perbincangan di atas, sedikit sebanyak telah dapat membantu kita mendapatkan gambaran secara kasar terhadap apa yang ingin dibincangkan oleh pengkaji di dalam kertas kerja ini berkaitan dengan tajuk tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak di samping memberikan penjelasan tentang kaedah-kaedah kajian dan teori-teori yang bersangkutan dengannya. Setelah semua kaedah, teori penyelidikan, permasalahan dan sebagainya telah dikemukakan di dalam Bab Satu, maka penulis akan meneruskan pula bab dua dengan menerangkan tentang definisi bahasa, pemerolehan bahasa dan tahap-tahapnya bagi membantu pembaca memahami tentang pemerolehan bahasa dan bagaimanakah ia berlaku dalam diri seseorang serta bilakah pula bermula dan berakhirnya sesuatu proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan seseorang individu itu. Manakala dalam Bab Tiga pula pengkaji akan membincangkan tentang tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak sampel berdasarkan analisis am, iaitu pengkaji akan cuba mengukur tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka berdasarkan ukuran-ukuran yang terdapat dalam analisis am. Begitu juga dengan Bab Empat, pengkaji akan menganalisis tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak sampel dengan menggunakan ukuran-

ukuran berdasarkan aspek-aspek yang terkandung di dalam sintaksis (ayat) dan Semantik bahasa Melayu. Analisis data akan dilakukan dengan cara membandingkan ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak dengan aspek-aspek yang terkandung dalam sintaksis (ayat) bahasa Melayu seperti jenis-jenis ayat, pola-pola ayat dan sebagainya untuk melihat apakah wujud jenis-jenis dan pola-pola tersebut di dalam 50 ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak. Manakala dalam analisis semantik pula pengkaji akan melihat pada jenis-jenis perkataan yang diujarkan atau yang telah dikuasai oleh kanak-kanak, Nisbah Jenis Token (NJT) dan sebagainya. Rumusan bagi keseluruhan bab akan dibincangkan dalam Bab Lima nanti.